

02/10/1997

Pelabur dinasihat siapkan projek usaha sama

SANTIAGO, Rabu - Pelabur Malaysia diingatkan supaya menyempurnakan projek mereka apabila melabur di luar negara.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, mereka tidak harus mengecewakan rakan kongsi tempatan dengan memburukkan nama baik negara apabila gagal melaksanakan projek mengikut cadangan asal pelaburan.

"Di Malaysia kita mempunyai cara menghadapi orang seperti ini. Kita bariskan mereka menghadap ke dinding dan menembak mereka," kata Perdana Menteri berseloroh ketika merasmikan projek usaha sama usahawan Chile-Malaysia di Pirque kira-kira 45 kilometer dari sini, semalam.

Walaupun ucapan Perdana Menteri itu disambut gelak ketawa hadirin, ia adalah ingatan kepada usahawan Malaysia yang sebelum ini banyak menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan syarikat luar negara terutama ketika mereka mengikuti lawatan Dr Mahathir.

Bagaimanapun, sebahagian besar daripada projek yang dicadangkan dalam MoU itu bukan saja terhenti di tengah jalan, malah setakat pada majlis menandatangani perjanjian saja.

(END)